



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**BIL. 40 / 2019**

### **SPR TERIMA NOTIS KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI PARLIMEN P.186 SANDAKAN, SABAH**

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **Speaker Dewan Rakyat, Yang Berhormat Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof pada 29 Mac 2019** berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **Dewan Rakyat bagi kawasan P.186 Sandakan** berikutan kematian penyandanginya Ahli Dewan Rakyat **Yang Berhormat Mendiang Datuk Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh** pada 28 Mac 2019.

Sehubungan dengan itu, SPR akan mengadakan **Mesyuarat Khas** pada **5 April 2019 (Jumaat), jam 9.00 pagi** bertempat di **Ibu Pejabat SPR, di Menara SPR, Putrajaya**. **Mesyuarat Khas** tersebut akan dipengerusikan oleh **Pengerusi SPR, Y.Brs Encik Azhar Azizan Harun**, yang akan membincangkan tarikh-tarikh penting Pilihan Raya Kecil (PRK) seperti tarikh Writ Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dalam pilihan raya itu dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut. Satu sidang media akan diadakan sejeurus selepas mesyuarat tersebut.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MOHAMED ELIAS BIN ABU BAKAR**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 01 April 2019 / 25 Rejab 1440H